

SOALAN NO: 354

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Bertulis

DARIPADA : Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]

**SOALAN : Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]
minta MENTERI PERTANIAN DAN
INDUSTRI ASAS TANI menyatakan:**

**Secara terperinci dasar-dasar atau polisi-polisi dan
kelulusan wajib berkenaan pusat penyembelihan Khinzir
(*Pig Abattoir*).**

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Aktiviti penyembelihan babi di Semenanjung dikawal melalui Kaedah-kaedah Binatang (Kawalan Penyembelihan) 2009 di bawah Subkaerah 5, Larangan Penyembelihan, yang menyebut:-

“(1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam Kaedah-kaedah ini, tiada seorang pun boleh menyembelih atau menyebabkan disembelih apa-apa binatang kecuali di rumah penyembelihan diluluskan atau rumah penyembelihan dilesenkan.”

“(2) Mana-mana orang yang menyembelih atau menyebabkan disembelih apa-apa binatang atau menggunakan apa-apa perkhidmatan di mana-mana rumah penyembelihan diluluskan atau rumah penyembelihan dilesenkan hendaklah menjadi pengguna berdaftar rumah penyembelihan diluluskan atau rumah penyembelihan dilesenkan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

“(3) Tiada seorang pun boleh menjual, mempamerkan untuk dijual atau memiliki apa-apa karkas apa-apa binatang yang tidak disembelih di rumah penyembelihan diluluskan atau rumah penyembelihan dilesenkan.”

Kaedah ini jelas menyatakan bahawa sebarang aktiviti penyembelihan babi hendaklah dijalankan di rumah sembelih babi yang dilulus dan dilesenkan.

Sehingga kini terdapat di lima (5) buah rumah sembelih babi yang diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar iaitu Rumah Sembelih (Bahagian Babi) di Johor Bharu, Kuantan, Taiping (di bawah Kerajaan Persekutuan) dan Rumah Sembelih (Bahagian Babi) di Muar dan Ipoh (di bawah Kerajaan Negeri).

Rumah sembelih dilesenkan adalah rumah sembelih swasta berlesen yang tertakluk kepada Akta Rumah Penyembelihan (Penswastaan) 1993. Sehingga kini terdapat lima (5) buah rumah sembelih dilesen iaitu di Gombak, Alor Gajah, Seberang Prai Utara, Kluang dan Batu Pahat.

Permohonan lesen rumah sembelih perlu dibuat melalui sistem atas talian iaitu Sistem Informasi Hasilan Abatoir dan Ternakan (eSIHAT) dan dokumen sokongan perlu dihantar kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Putrajaya. Mana-mana permohonan yang telah lengkap perlu disertai ulasan daripada agensi-agensi kerajaan berkaitan dan dibentang di Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pelesenan Swasta Rumah Penyembelihan di peringkat DVS. Seterusnya mana-mana rumah sembelih yang disyor lulus pelesenan oleh Jabatan akan dibawa ke peringkat MOA bagi kelulusan YB Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani.